



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	18/1/2020	MUKA SURAT	: 30
JABATAN	:	MAJLIS TANAH NEGARA		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Selari keputusan Majlis Tanah Negara

Kenaikan cukai tanah dibuat berdasarkan undang-undang

Oleh NOR KHALILAH GUSTI HASSAN

KUANTAN

Kenaikan caj cukai tanah di Pahang dibuat berdasarkan undang-undang dan selari dengan keputusan Majlis Tanah Negara di mana setiap negeri perlu membuat penilaian cukai dalam tempoh 10 tahun sekali.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Dr Sallehudin Ishak berkata, kerajaan negeri menaikkan caj cukai tanah di negeri itu selari dengan Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan sebagaimana termaktub dalam Seksyen 101 Kanun Tanah Negara.

“Bagi setiap negeri pilihan boleh dibuat sama ada nak kekal cukai, naikan atau turunkan. Bagi negeri Pahang, sebenarnya sejak 30 tahun lalu kita tidak pernah membuat kenaikan caj cukai tanah kecuali pada 2007 ada membuat sedikit perubahan caj.

“Jadi kalau ada orang nak saman kerajaan negeri kita tak ada masalah sebab kita telah mengikut proses yang dikehendaki oleh Perlembagaan Persekutuan. Proses itu berjalan seper-



Chen Chung (tengah) tiga ahli lain dan Chen Siang (depan dua dari kiri) bersama wakil 19 pertubuhan dan perniagaan Pahang pada sidang akhbar di Kuantan semalam.

Bawa ke mahkamah jika tiada penyelesaian

KUANTAN - Sebanyak 19 pertubuhan dan perniagaan di Pahang tidak menolak untuk memfailkan semakan kehakiman sebagai jalan terakhir sekiranya isu kenaikan kadar cukai tanah gagal mencapai penyelesaian menang-menang.

Abli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semambu, Lee Chen Chung berkata, langkah itu terpaksa diambil bagi memastikan kenaikan cukai tanah yang dikenakan kepada pemilik rumah tidak berlaku ringgi.

Menurutnya, pihaknya memberi tempoh tiga minggu kepada

ISU CUKAI TANAH NAIK tempoh tiga minggu untuk rundingan dan perbincangan dengan pihak kerajaan termasuk pihak berkuasa tempatan. Majlis Perbandaran Kuantan serta Pejabat Tanah dan Galian bagi menyelesaikan isu ini.

“Kalau masih tiada perubahan atau keputusan yang baik, kita akan ambil tindakan undang-undang,” katanya pada sidang akhbar mengenai kenaikan kadar cukai tanah Pahang di Perincian Kuantan semalam.

Hadir sama ADUN Te Sim Chon Siang.



SALLEHUDIN

Keratan *Sinar Harian* semalam.

ISU CUKAI TANAH NAIK

ti dikehendaki undang-undang,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di sini

semalam.

Semalam *Sinar Harian* melaporkan sejumlah 300 peniaga dan pengusaha tanah bersama lebih 20 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkumpul di sebuah restoran di sini bagi membincangkan mengenai persekitaran perniagaan dan kenaikan caj cukai tanah di negeri itu.

Hasil perbincangan tersebut sebahagian besar daripada mereka sepakat untuk memfailkan semakan mahkamah mengenai keputusan kerajaan Pahang menaikkan caj cukai tanah.

Sallehudin berkata, pengusaha berhak memfailkan semakan semula menerusi mahkamah dan kerajaan negeri tidak mempunyai masalah untuk menjawab dan menerangkan.

“Kita pun tak nak membebankan pekebun kecil, pemilik

rumah dan peneroka Felda.

“Yang menjadi isu adalah kita naikkan cukai bagi tanah status *NIL Condition* (tidak mempunyai syarat nyata). *NIL Condition* ini ialah dia boleh buat apa pun atas tanah tapi membayar amaun cukai yang jauh lebih rendah atau sama dengan pemilik tanah biasa. Hal ini sebenarnya tidak adil. Jadi kita kena beri cukai kadar tertinggi,” katanya.

Beliau berkata, bagaimana pun, bagi pengusaha tanah terutama bagi tanah tidak mempunyai syarat nyata yang ingin membuat rayuan, mereka boleh rujuk ke semua Pejabat Daerah seluruh negeri.

“Pegawai Daerah telah diberi kuasa untuk menukar syarat kepada biasa sebagai contoh tanah 5 ekar tetapi kena cukai setengah juta ringgit sedangkan sepatutnya RM30.

“Mereka boleh buat rayuan kerana ada jawatankuasa rayuan yang akan mendengar permohonan itu,” katanya.